

## Gas Malaysia bantu 500 peniaga

Oleh Tuty Haryanti Ahmad Rodzi - Ogos 24, 2021 @ 2:10pm  
bhnews@bh.com.my



**GAS**  
MALAYSIA



KUALA LUMPUR: Gas Malaysia Berhad (Gas Malaysia), semalam menyampaikan bantuan kepada 500 peniaga di sekitar ibu kota, yang terjejas akibat pandemik COVID-19.

Mereka menerima barangan keperluan, termasuk beras, minyak masak, gula dan biskut.

Inisiatif Gas Malaysia itu turut mendapat kerjasama daripada Pusat Pungutan Zakat - Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (PPZ-MAIWP).

Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan Gas Malaysia, Ahmad Hashimi Abdul Manap, berkata sebagai entiti korporat yang bertanggungjawab, pihaknya terpanggil untuk membantu golongan yang terjejas, termasuk peniaga kecil-kecilan.

"Semoga sumbangan yang diberikan ini dapat membantu meringankan beban mereka yang memerlukan, terutama dalam keadaan pandemik ketika ini," katanya.

Beliau berkata demikian pada majlis simbolik penyampaian sumbangan kepada wakil penjaja di Medan Selera Dataran Sri Angkasa Jaya, di sini, hari ini.

Yang turut hadir, Pemangku Ketua Pegawai Eksekutif PPZ-MAIWP, Abdul Hakim Amir Osman dan Yang Dipertua Persatuan Penjaja dan Peniaga Kecil Melayu Wilayah Persekutuan, Datuk Mohamad Abdullah.

Ahmad Hashimi berkata, sebelum ini, pihaknya memberi barangan keperluan kepada 200 golongan B40 di Kota Kemuning dan Petaling Jaya, baru-baru ini.

Selain itu, beliau berkata, pihaknya turut menyampaikan sumbangan peralatan perubatan kepada tiga hospital bagi membantu petugas barisan hadapan dalam merawat COVID-19.

Sementara itu, Abdul Hakim, berkata pihaknya akan memastikan tidak terlepas pandang menghulurkan bantuan kepada mereka yang memerlukan.

Beliau juga meminta orang ramai melaksanakan tanggungjawab membayar zakat supaya ia dapat disalurkan kepada mereka yang layak.